

'Syarikat dikait Farhash dapat kelulusan kerajaan terdahulu'

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim mendedahkan, kelulusan kontrak diberikan kepada syarikat dikaitkan dengan bekas Setiausaha Politiknya, Datuk Seri Farhash Wafa Salvador Rizal Mubarak, adalah dibuat oleh pentadbiran kerajaan yang terdahulu.

Perdana Menteri berkata, syarikat dirujuk Ahmad Fadhi Shari daripada Perikatan Nasional (PN - Pasir Mas) yang membangkitkan isu itu di Parlimen semalam, juga mempunyai kaitan dengan Sultan, tetapi tidak mempercincikan identiti baginda.

"Kelulusan kontrak dikaitkan pula, keputusan dibuat kerajaan terdahulu. Kerajaan Yang Ber-

hormat, bukan kerajaan saya. Saya tak mahu panjangkan kerana membabitkan isu yang pada saya remeh kerana membabitkan individu dan kebetulan dia pernah menjadi staf saya, di antara empat hingga lima tahun lalu. Maka ia dibangkitkan.

"Namun, saya ingin maklumkan, kelulusan kepada syarikat terbabit ketika kerajaan terdahulu, ketika Farhash belum lagi menjadi anggota syarikat terbabit. Saya ada rekod dan bukan soal politik, saya berikan jawapan sopan dan baik kepada Pasir Mas yang tanya soalan dengan baik.

"Kemudian syarikat terbabit sekarang dimiliki tuanku, seba-

hagian besar sahamnya dan tiada kaitan dengan Farhash. Jika ada pun, dia menggunakan proses tender biasa. Kalau ada pelanggaran bawa (ke pengadilan)," katanya demikian ketika menjawab soalan Ahmad Fadhi mengenai tindakan perundangan ke atas agensi berita, *Bloomberg*, yang mendakwa Anwar campur tangan dalam siasatan SPRM di Dewan Rakyat, semalam.

Bloomberg sebelum ini, dengan memetik beberapa sumber yang tidak dinamakan, melaporkan bahawa Anwar mengarahkan SPRM tidak menyiasat Farhash berhubung kes pembelian saham bernilai jutaan ringgit.

Perdana Menteri menegaskan tidak adil terus mengaitkan beliau dalam kes terbabit, hanya kerana Farhash pernah menjadi kakitangannya sebelum ini.

"Saya bercakap di Parlimen ini, kalau ada kes, ia disiasat SPRM dan tidak langsung menutupnya, cuma saya tanya kes apa sekarang ini?.

"Cuma dia kata ada kes... tetapi kalau dirujuk satu kes yang saya tahu, saya cek fail, memang betul diluluskan pada 2022, sebelum saya menjadi Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

"Namun, untuk terus mengaitkan (dengan saya) kerana dia pernah menjadi staf saya, ia kurang adil. Saya rasa jawapan ini jelas.

"Bagaimanapun, andai kata ada maklumat jelas membabitkan sesiapa pun, termasuk Farhash dalam apa-apa kes, sila lapor dan saya pastikan SPRM tidak akan menutupnya. Ini saya mahu jelaskan supaya tiada per-

masalah di kemudian hari," katanya.

Susulan dakwaan *Bloomberg* itu, Perdana Menteri berkata, beliau menyerahkan kepada PDRM untuk menjalankan siasatan secara adil dan Peguam Negara untuk mengambil tindakan perundangan yang bersesuaian.

"SPRM sendiri juga sudah membuat kenyataan tegas menafikan tohmahan terbabit kerana apa yang berlaku hanya arahan umum, termasuk kenyataan saya di Dewan Rakyat," katanya.

Beliau memaklumkan, PDRM setakat ini, sudah membuat beberapa tindakan, termasuk memanggil wakil *Bloomberg* dan individu berkaitan untuk merakam percakapan, masing-masing pada 1, 8 dan 11 Oktober lalu.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Rusdi Mohd Isa, pada Rabu lalu, dilaporkan berkata siasatan dibuat mengikut Seksyen 500 Kanun Keseksaan, Seksyen 505(b) kanun sama serta Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Tohmahan kedua Bloomberg

Dalam pada itu, Anwar menyifatkan, dakwaan terkini mengaitkan beliau dan Farhash itu adalah tohmahan kedua dilaporkan *Bloomberg*, selepas laporan pertama membabitkan Perdana Menteri dan Yang di-Pertuan Agong dalam soal izin pembinaan kasino baharu.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, tohmahan pertama dibuat *Bloomberg* itu akhirnya menjadi fitnah keterlaluan dan tidak pernah dibangkitkan Jemaah Menteri mahupun Yang

di-Pertuan Agong.

"Saya di Dewan Rakyat sebelum ini mahu SPRM, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), PDRM dan pihak berkuasa bertindak tegas memerangi rasuah, tanpa tolak ansur dan badan penguatkuasaan memerangi jenayah dengan tegas.

"Ini arahan diberikan, tetapi tidak membabitkan kes khusus kerana SPRM seperti Peguam Negara, perlu bertindak bebas dan telus *without fear or favour*.

"Apakah ada tindakan (lanjut), ia perlu tunggu laporan PDRM. Sekiranya ada kesalahan nyata, itu tugasan Peguam Negara untuk mendakwa," katanya.

Mengulas pendirian kekal menjalin hubungan dengan *Bloomberg*, Anwar berkata, sikap profesional dan menghormati prinsip kebebasan media mendorong tindakan sedemikian.

"Soal mengapa saya masih ada hubungan dengan *Bloomberg* kerana ia adalah media antarabangsa terkenal. Malah, ketika Kerajaan Qatar mengadakan program dan lawatan rasmi saya ke Qatar, baru-baru ini.

"Mereka anjur supaya saya hadir sebagai penguap tama dalam persidangan dianjurkan *Bloomberg*. Kita membezakan, kerana kita menghormati prinsip media bebas. Jika ada fitnah, kita saman atau polis ambil tindakan khusus mengenai perkara itu.

"Namun, ia bukanlah (alasan untuk) harus mengharamkan atau batalkan semua acara dengan *Bloomberg*. Bagi saya, prinsip itu harus terpakai bagi semua," katanya.